



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 07/2009

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi tahun Hijrah 1430/2009 Masihi adalah seperti berikut:-

Hari Isnin hingga Khamis	}	Jam	8.00 pagi hingga
dan Hari Sabtu	}		2.00 petang

2. Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Kementerian/Jabatan masing-masing.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Utamakan Akhlak Mulia Dalam Keluarga"

(AWANG SA BALI BIN ABAS)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA 1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : (07) JPM/SK/2009
Tarikh 17 Syaaban 1430
8 Ogos 2009